

**SHEIKH HASABOLLAH AL DZAHIRI DAN SUMBANGANNYA
DALAM BIDANG DAKWAH DI DAERAH SANDAKAN DARI
TAHUN 1960 HINGGA TAHUN 1971**

*Sheikh Hasabollah Al Dzahiri and His Contribution to the Field of
Dakwah in the Sandakan District from 1960 to 1971*

Fadzilah Sahak¹

¹Pusat Tingkatan Enam Maktab Sabah
*Corresponding author: fadhilahsahak@gmail.com

*Dihantar: 14 April 2025 / Penambahbaikan: 20 Julai 2025
Diterima: 1 November 2025 / Terbit: 31 Disember 2025*

Abstrak

Ulama dan dakwah tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan golongan ini. Ulama berasal dari perkataan alim yang bermaksud ilmunan Islam atau seseorang yang tinggi ilmu pengetahuan terutama tentang hal ehwal agama dan mengamalkan ilmu yang dipelajarinya. Kehidupan para ulama sentiasa terisi dengan kegiatan dakwah yang bermanfaat kepada masyarakat Islam. Justeru itu penulisan ini akan melihat peranan dan sumbangan seorang tokoh pendakwah yang terlibat dalam usaha penyebaran ilmu agama di Sabah dan khususnya di daerah Sandakan pada awal abad ke 20. Nama Sheikh Hasabollah Al Dzahiri mungkin tidak asing bagi penduduk sekitar kerana nama pendakwah ini terpahat kemas di masjid yang dikatakan antara yang tertua di negeri Sabah iaitu Masjid Sheikh Hasabollah Al Dzahiri yang terletak di daerah Sandakan. Jalur keturunan sebelah ayah Sheikh Hasabollah berasal dari Hadramawt, Yaman manakala ibunya pula berasal dari suku kaum Suluk dan dikenali sebagai Arab Peranakan yang telah berasimilasi dengan budaya dan cara hidup masyarakat tempatan pada zamannya. Beliau dikatakan terlibat dengan dunia dakwah dan berperanan memberi sumbangan aktif menyalurkan ilmu agama kepada penduduk Islam di sekitar daerah ini dan menjadikan masjid jamek daerah Sandakan yang kini dikenali sempena nama tokoh ulama ini iaitu Masjid Sheikh Hasabollah Al Dzahiri sebagai pusat penyebaran dakwahnya.

Kata Kunci : Ulama, Sumbangan, Dakwah, Sandakan, Arab Peranakan

Abstract

Scholars and dakwah cannot be separated in the lives of this group. Ulama comes from the word alim which means an Islamic scholar or someone who has high knowledge, especially about religious affairs and practices the knowledge he has learned. The lives of scholars are always filled with dakwah activities that are beneficial to the Muslim community. Therefore, this writing will look at the role and contribution of a prominent preacher who was involved in the effort to spread religious knowledge in Sabah in general and in the Sandakan district in particular in the early 20th century. The name Sheikh Hasabollah Al Dzahiri may not be unfamiliar to the surrounding residents because the name of this preacher is neatly carved in a mosque that is said to be one of the oldest in the state of Sabah, namely the Sheikh Hasabollah Al Dzahiri Mosque located in the Sandakan district. Sheikh Hasabollah's paternal lineage comes from Hadramawt, Yemen while his mother is from the Suluk tribe and is known as an Arab Peranakan who has assimilated into the culture and way of life of the local community of his time. He is said to be involved in the world of da'wah and has played an active role in channeling religious knowledge to the Muslim population around this area and has made the Sandakan district mosque, which is now known in conjunction with the name of this ulama figure, the Sheikh Hasabollah Al Dzahiri Mosque, a center for spreading his da'wah.

Keywords : *Ulama, Contribution, Da'wah, Sandakan, Arab Peranakan*

Pengenalan

Ulama dapat didefinisikan sebagai orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam dalam bidang agama. Kata 'ulama' adalah bentuk jama' alim, yang bererti "yang tahu" atau yang mempunyai pengetahuan. Perkataan yang berlawanan dengan 'ilm ialah jahl atau jahil. Lisan al-'Arab menyebutkan, perkataan selain 'ulama' iaitu 'ullam'mempunyai makna seerti dengan 'ulama'. Walau bagaimanapun jika sekiranya seorang alim tersebut benar-benar alim maka ia dinamakan 'allam atau 'allahamah. Ensiklopedia Islam pula menamakan 'ulama' sebagai "orang yang mempunyai pengetahuan. Ulama juga bermaksud orang yang bersifat dengan berilmu pengetahuan. Oleh itu ulama dapat didefinisikan sebagai orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan mempunyai kewibawaan dan sifat

*Sheikh Hasabollah Al Dzahiri dan Sumbangannya salam Bidang Dakwah di
Daerah Sandakan Dari Tahun 1960 Hingga Tahun 1971*

kepimpinan serta kredibiliti dalam diri mereka ketika menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat sekitar. Ulama juga menjadikan sifat hidupnya bersandarkan ilmu agama yang dimilikinya dan menjadi rujukan orang ramai yang hidup sezaman dengan golongan agamawan ini (Shukri, 2000).

Perkataan sumbang mempunyai dua maksud iaitu pertama, tidak mematuhi adat, melanggar adat, tidak sopan, salah atau silap, tidak sedap didengar atau dilihat. Maksud kedua bagi perkataan sumbang ialah menyumbang, memberi sesuatu kepada orang yang mengadakan keramaian sebagai bantuan, sokongan. Perkataan sumbangan pula bermaksud sesuatu diberikan sebagai bantuan kepada keramaian dan pertolongan (Kamus Dewan, 2005). Dalam konteks penulisan ini perkataan sumbang lebih cenderung kepada maksud perkataan kedua iaitu sumbangan di mana Sheikh Hasabollah banyak memberi tunjuk ajar, memberi panduan, penerangan dan menjernihkan kekeliruan masyarakat Islam di sekitar daerah Sandakan yang terdiri daripada pelbagai etnik dan keturunan seperti Suluk, Sungai, Dusun dan Bajau yang banyak dipengaruhi oleh pegangan paganisme dan amalan animisme yang begitu mendarah daging dalam kehidupan masyarakat pada masa itu.

Arab Peranakan pula membawa maksud generasi yang lahir dari penyatuan orang Arab Hadrami melalui hubungan sosial iaitu perkahwinan campur dengan masyarakat tempatan. Sifat orang Arab Hadrami dari Yaman ini yang mudah menyesuaikan diri menyebabkan proses asimilasi dengan penduduk tempatan berlangsung dengan baik. Dari segi pakaian dan adat resam ia juga tidak sukar diamalkan. Manakala dari segi amalan agama, mereka juga turut berkongsi fahaman atau mazhab yang sama iaitu mazhab Shafie. Dalam penulisan ini dinyatakan Arab Peranakan terdapat di daerah Tawau dan Sandakan dan Sheikh Hasabollah Al Dzahiri merupakan generasi Arab Peranakan yang telah lahir dari perkahwinan campur antara Arab dengan kaum Suluk.

Dakwah pula dapat ditafsirkan sebagai satu usaha menyeru serta menarik manusia ke jalan Allah S.W.T. Selain itu, dakwah merupakan satu inisiatif para ulama mengajar manusia tentang perkara yang berkaitan dengan keagamaan dan soal dunia yang boleh memberi kesedaran kepada mereka untuk mewujudkan masyarakat yang aman dan damai. Usaha dakwah yang telah dijalankan merupakan langkah ke arah penubuhan pelbagai agensi dalam menyebarkan agama Islam di

bumi Sabah antaranya badan bukan kerajaan (NGO) yang berperanan dalam mengatur aktiviti dan program secara berkala untuk menjadikan masyarakat memahami dan menghayati ajaran Islam yang suci serta memperbaiki taraf kehidupan ke arah keredhaan Allah s.w.t. (Nur Athiroh, Abdul Imam, 2014). Sheikh Hasabollah Al Dzahiri telah menabur jasa yang tidak terhingga dalam bidang dakwah demi meneruskan perjuangan para tabiin menyebarkan Islam di muka bumi ini.

Latar Belakang

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengetahui latar belakang ulama yang bergiat aktif dalam bidang dakwah iaitu Sheikh Hasabollah Al Dzahiri dari tahun 1910 hingga 1971. Nama sebenar Sheikh Hasabollah ialah Muhammad Hasabollah bin Said bin Salleh al-Dzahiri al Yamani. Al-Dzahiri merujuk kepada kabilah asal Sheikh Hasabollah dan Yamani pula merujuk kepada negara Yaman kini. Beliau mempunyai darah Arab Peranakan di mana sebelah ayahnya mempunyai jalur keturunan pendakwah dari Hadramawt, Yaman manakala ibunya Jamilah merupakan seorang wanita berketurunan Suluk. Setelah berkahwin, Jamilah telah dibawa ke Singapura oleh suaminya dan lahirlah Sheikh Hasabollah sekitar tahun 1910 an. Beliau mempunyai beberapa orang adik beradik antaranya ialah Umar, Junaidi dan Safiah (Syed Ridzuan As Segaf, 2020).

Kedatangan orang Arab ke rantau nusantara telah berlaku sejak dahulu lagi dan dikatakan bermula dari kedatangan para pedagang dan pendakwah Arab yang berasal dari Kota Hadramawt, Yaman. Golongan pedagang dan pendakwah Arab ini turut dikenali sebagai Sharif, Syed, dan Habib (Alawiyin) yang telah melahirkan generasi Arab Peranakan melalui hubungan perkahwinan dengan gadis tempatan (Syed Rizuan As Segaf, 2019). Masuknya Islam ke Sabah diperkirakan bermula pada abad ke 10 Masihi berdasarkan datangnya kapal dagang Arab yang telah masuk ke wilayah Canton, China dari satu tempat di kepulauan Sulu iaitu Mendoro (Ma- i) tidak jauh dari Sabah pada tahun 982 Masihi (Syamruddin, Abdul, 2017). Orang Arab yang berhijrah ke rantau nusantara khususnya keturunan Sayyid diterima baik oleh masyarakat tempatan kerana dikatakan berasal daripada ahlul bait iaitu keturunan Nabi Muhammad s.a.w.

Sheikh Hasabollah Al Dzahiri dan Sumbangannya salam Bidang Dakwah di Daerah Sandakan Dari Tahun 1960 Hingga Tahun 1971

Salasilah keturunan Orang Arab Hadrami dari Hadramawt, Yaman ini dikatakan bersambung nasabnya kepada Hussain iaitu cucu Nabi Muhammad s.a.w menyebabkan golongan pendakwah ini dipandang mulia oleh masyarakat nusantara yang menanti kehadiran sosok pemimpin untuk diikuti. Pengiktirafan ini secara tidak langsung memberikan kesan positif dalam hubungan orang Arab Hadrami dengan golongan pemerintah di mana golongan ini banyak dilibatkan dalam pelbagai aktiviti dakwah, pendidikan dan politik tempatan (Latifah, Siti Nor Baya, Anita, Adibah, Mashitah, Azmir, 2016). Peranan para pendakwah Arab di Borneo Utara yang kini dikenali sebagai Sabah sebenarnya dalam aktiviti penyebaran dan pengukuhan agama Islam dalam masyarakat tempatan adalah begitu jelas sekali. Dikatakan pengislaman individu pertama yang memeluk Islam dalam kalangan penduduk Sabah juga dikaitkan dengan usaha seorang pendakwah Arab bernama Sharif Awliya Karim Al-Makhdum (Mohamad, Mohd Radzi, Asmady, Rizal, Fatimah, 2014).

Kertas kerja ini juga seterusnya mengenalpasti sumbangan dakwah Sheikh Hasabollah Al Dzahiri di daerah Sandakan dari tahun 1960 hingga 1971. Seperti yang dinyatakan sebelum ini golongan Arab Peranakan yang mempunyai jalur keturunan dari Tanah Hadramawt, Yaman bergiat aktif dalam pelbagai kegiatan sosial meliputi kegiatan dakwah, pendidikan dan politik tempatan. Di daerah Tawau Sabah contohnya ramai di kalangan orang-orang Melayu berketurunan Arab ini telah pun menjadi ahli perniagaan yang berjaya atau menjadi ahli politik yang terkenal misalnya Datuk Ghapur Salleh (Ketua Umno merangkap ahli parlimen Kalabakan) dan Syed Abbas Habib Ali (Timbalan Ketua Umno merangkap ADUN kawasan Balung, Tawau). Latar belakang pengetahuan agama mereka serta ciri-ciri kepimpinan yang wujud hasil dari jauhnya perjalanan dan luasnya pengalaman menyebabkan ramai di antara golongan Arab Peranakan ini diangkat menjadi pemimpin masyarakat pada zamannya (Goodlet, 2009).

Sheikh Hasabollah Al Dzahiri telah mendapat pendidikan awal di Madrasah Al- Attas Al Arabiyah di Johor dan merupakan madrasah yang telah wujud sebelum Tanah Melayu merdeka dari penjajahan British (Latifah, Siti, Farah, Anita, 2017). Madrasah Al-Attas Al -Arabiyah di Johor ini telah dibina pada tahun 1913 (1332H) oleh Habib Hassan Bin Ahmad Al-Attas dan telah memulakan sistem pendidikan berbentuk formal untuk memberi peluang kepada anak-anak Melayu mempelajari bahasa Arab dan agama Islam secara efektif (SABK Madrasah Al-Attas Al- Arabiah Johor, 2015). Di madrasah inilah Sheikh Hasabollah Al

Dzahiri mendalami ilmu dengan mendapat pengetahuan dari sudut akademik dan ilmu agama. Sebelum memulakan usaha dakwahnya di daerah Sandakan, Sheikh Hasabollah sebenarnya pernah menjadi tenaga pengajar di madrasah tertua di Singapura iaitu Madrasah Al Sagoff Al Arabiah di Singapura pada era pembukaan madrasah ini sebelum Perang Dunia Kedua antara tahun 1939 hingga 1945.

Pengasas Madrasah Al Sagoff Al Arabiah di Singapura ini iaitu Syed Mohamed Al Sagoff merupakan wakil kerajaan Turki Uthmaniyyah Sultan Abdul Hamid 11 di Singapura (Siti Noorasikin *et. al.*, 2011). Pada era permulaan pembukaan Madrasah Al Sagoff ini hanya pelajar lelaki sahaja dibenarkan bersekolah namun peraturan ini berubah selepas tamat Perang Dunia Kedua di mana pelajar wanita mula dibenarkan menjejakkan kaki ke sekolah (Siti Noorasikin *et. al.*, 2011). Madrasah Al Sagoff Singapura menekankan aspek yang seimbang dari segi akademik dan ilmu agama (Abu Hanifah Haris, 2020). Di Madrasah Al Sagoff Al-Arabiah inilah Sheikh Hasabollah mengasah bakatnya sebagai seorang pendidik dengan mengajar ilmu-ilmu agama seperti tauhid, mantiq, ibadat, sejarah Islam, Al- Quran dan hadith, di samping ilmu Bahasa Arab seperti nahu, sarf dan balaghah.

Setelah sekian lama menabur bakti di Madrasah Al Sagoff Al-Arabiah Singapura Sheikh Hasabollah akhirnya berhijrah ke daerah Sandakan. Sandakan merupakan salah sebuah bandar utama di negeri Sabah dan merupakan bandar kedua terbesar di negeri tersebut. Dari segi sejarah, bandar Sandakan sebenarnya pernah menjadi pusat pentadbiran dan ibu negeri bagi Borneo Utara semasa zaman pemerintahan British. Peranan bandar Sandakan yang menonjol semasa era pentadbiran British menjadikan bandar ini pintu masuk utama ke negeri Sabah pada era tersebut. Sandakan bermaksud 'tanah yang dipajak' dalam bahasa Suluk. Orang Suluk mendominasi kawasan pantai timur Sabah sebelum era kemerdekaan dalam Malaysia kerana ketika awal 1870an pantai Timur Sabah pernah berada di bawah kekuasaan pemerintahan Kesultanan Sulu yang turut memerintah kawasan yang kini dikenali Filipina Selatan (Sandakan, 2015). Sabah pula dalam bahasa Arab bermaksud pagi. Ini kerana kedudukan negeri Sabah terletak di daerah paling timur dan lebih dahulu mengalami waktu siang berbanding kawasan yang lain di kepulauan Borneo (Sandakan, 2015).

Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan merujuk kepada sumber primer dan sekunder. Kaedah temu bual digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang dan sumbangan tokoh ulama Sheikh Hasabollah Al Dzahiri di daerah Sandakan. Informen yang ditemubual adalah dalam kalangan waris keturunan Sheikh Hasabollah Al Dzahiri. Persoalannya, siapakah beliau dan sejauhmanakah peranan dan sumbangan Sheikh Hasabollah Al Dzahiri dalam bidang dakwah di Negeri Sabah amnya dan di daerah Sandakan khususnya dalam memartabatkan Islam sebagai agama yang menjadi antara anutan penduduk peribumi di Sabah. Objektif kajian ini juga adalah untuk menjelaskan tentang sumbangan Sheikh Hasabollah Al Dzahiri di daerah Sandakan khususnya kepada penduduk di Kawasan Pantai timur Sabah yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan etnik yang pelbagai.

Dapatan Kajian

Sumbangan dakwah Sheikh Hasabollah bermula pada tahun 1960an dan Masjid Jamek yang merupakan masjid daerah bagi Sandakan pada masa itu telah dijadikan pusat penyebaran ilmu agama oleh beliau dan kini masjid ini telah berusia lebih 130 tahun. Masjid ini terletak di lereng bukit di Jalan Lebu 6, bandar Sandakan. Masjid ini kini dijadikan sebagai tapak warisan sejarah di Sandakan dan dinamakan sebagai Jejak Warisan Sandakan atau Heritage Trail menerusi aktiviti berjalan kaki kepada pelancong yang datang ke daerah ini (Juzaimie, 2016). Masjid jamek Sandakan ini sebenarnya diasaskan oleh para pedagang dan pendakwah yang datang dari tanah Yaman. Antara yang terlibat dalam mengumpulkan dana dan seterusnya terlibat dalam pembinaan masjid ini ialah Sheikh Said bin Salleh Al Dzahiri dari Aden yang juga merupakan ayah kandung Sheikh Hasabollah dari Yaman Utara, Habib Ibrahim Ar Rifai dari Mesir, Sheikh Salleh dan Sheikh Abdul Rahim Al-Alariky yang sanggup datang dari Yaman ke daerah Sandakan untuk menjayakan pembinaan masjid ini. Atas jasa dan usaha dakwah Sheikh Hasabollah akhirnya nama masjid jamek Sandakan telah ditukar kepada nama beliau iaitu Masjid Sheikh Hasabollah Al Dzahiri atas jasa bakti yang beliau taburkan sepanjang hayatnya (Syed Ridzuan As Segaff, 2020).

Kedatangan golongan pedagang dan pendakwah dari Tanah Arab ini telah menyebabkan ramai di antara mereka membuat petempatan di daerah Sandakan. Antara kampung yang mula dibuka oleh orang-orang Arab ini adalah Kampung Gelam mengambil nama sempena Kampung Gelam (Kampung Glam) di Singapura dan merupakan petempatan terawal para pendakwah dan pedagang Arab yang datang ke daerah ini. Kedatangan golongan ini juga menyebabkan ada di antara pendakwah ini mengahwini gadis tempatan berbangsa Suluk sebagai salah satu cara untuk meluaskan dakwah Islam di kalangan penduduk tempatan (Syed Ridzuan As- Segaff, 2020). Usaha para pedagang dan pendakwah Arab mengumpul dan membina masjid tertua di daerah Sandakan ini sebenarnya sekaligus memadam dakwaan sesetengah pihak sebelum ini yang menganggap masjid jamek daerah Sandakan dibina oleh peniaga Islam yang berasal dari India.

Pada setiap hari Jumaat Sheikh Hasabollah akan mengajar ilmu agama di masjid jamek Sandakan dan beliau menjadi rujukan terutama dalam masalah fekah kepada penduduk daerah Sandakan yang ingin mendalami ilmu agama Islam. Sheikh Hasabollah juga sentiasa diberi penghormatan untuk mengetuai majlis sambutan maulid Nabi, tahlil, ceramah, mengendalikan usrah atau perbincangan ilmu agama, kursus-kursus fardhu ain dan fardhu kifayah, mengahwinkan orang dan bertugas membaca khutbah nikah. Sheikh Hasabollah sentiasa berulang alik dari Pulau Togawis, Sandakan ke Masjid Jamek untuk menjalani rutin setiap hari Jumaat untuk mengajar ilmu agama. Pulau Togawis merupakan pulau yang telah dibeli oleh ahli keluarga Sheikh Hasabollah kerana pada masa itu orang-orang Arab memang terkenal dengan kekayaan hasil berdagang. Namun begitu Sheikh Hasabollah tidak pernah mengimami solat berjemaah masyarakat Islam di daerah Sandakan kerana memberi sebab beliau tidak pernah berkahwin. Sheikh Hasabollah tidak pernah berkahwin sehingga akhir hayatnya kerana ingin berbakti menjaga ibunya dan menumpukan usahanya menyebarkan dakwah kepada umat Islam (Salmah Sheikh Umar Al Dzahiri, 2020).

Setiap hari di Pulau Togawis masa Sheikh Hasabollah banyak dihabiskan dengan mengajar ahli keluarganya mengaji dan memperbetulkan bacaan Al-Quran sebutan huruf dan hukum tajwid mereka. Masa beliau sentiasa tertumpu dengan kegiatan menulis dan menterjemahkan kitab serta membuat persiapan bahan agama untuk disampaikan pada setiap hari Jumaat di masjid jamek Sandakan. Beliau akan menulis di atas kertas contengan sebelum memindahkan hasil

*Sheikh Hasabollah Al Dzahiri dan Sumbangannya salam Bidang Dakwah di
Daerah Sandakan Dari Tahun 1960 Hingga Tahun 1971*

terjemahan kitab Bahasa Arab ke dalam Bahasa Suluk. Sheikh Hasabollah juga pernah menjalankan aktiviti berdagang kain di daerah Kinabatangan sambil menjalankan misi dakwahnya kepada penduduk etnik Orang Sungai di daerah itu (Salmah Sheikh Umar Al- Dzahiri, 2020). Selain daerah Kinabatangan tokoh pendakwah ini juga pernah ke daerah Semporna untuk berdakwah dan dikatakan bekas Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah iaitu Tun Sakaran Dandai merupakan salah seorang anak murid Sheikh Hasabollah Al Dzahiri.

Ketika menyampaikan ilmu agama di masjid jamek Sandakan Sheikh Hasabollah Al Dzahiri sentiasa memakai tarbus merah di kepalanya kerana terpengaruh dengan cara penampilan pengasas Madrasah Al Sagoff di Singapura Syed Mohamed Bin Ahmad Al Sagoff yang menjadi wakil kerajaan Sultan Abdul Hamid 11 pemerintah kerajaan Turki Uthmaniyyah yang terakhir. Sheikh Hasabollah juga pernah diberi penghormatan merasmikan USIA sebuah pertubuhan NGO Islam di Sabah cawangan Sandakan kali pertama dan terlibat pada hari Malaysia 1963 dan dikatakan Sheikh Hasabollah merupakan antara penasihat agama kepada bekas ketua Menteri Sabah yang pertama iaitu Tun Datu Mustapha Datu Harun (Syed Ridzuan As Segaff, 2020). Tun Datu Mustapha merupakan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah yang pertama dari tahun 1963 hingga 1965 dan ketua Menteri Sabah ke-3 dari tahun 1967 sehingga 1976 (Mohd, Pg Mohd, Noor, 2020).

Perbincangan

Kertas kerja ini antara lain membincangkan sumbangan penulisan Sheikh Hasabollah Al Dzahiri dalam bidang fiqh Islam sepanjang usaha dakwahnya di daerah Sandakan dari tahun 1960 hingga 1970. Seperti yang telah dinyatakan pada awal penulisan sebelum ini, Sheikh Hasabollah sebenarnya telah menulis beberapa kitab terjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Suluk namun malangnya ada di antara kitab tersebut telah musnah dalam kebakaran dan hanya ada beberapa kitab tulisan beliau yang berjaya diselamatkan. Setakat penulisan akademik ini ditulis, hanya sebuah kitab masih berada dalam simpanan salah seorang ahli keluarganya yang masih menyimpan kitab Fekah dalam Bahasa Suluk tersebut yang bertajuk Tarsyih al- mustafidin bi tawsyih fat. Kitab ini membincangkan mengenai permasalahan fekah umat Islam sehari-hari dan merupakan sumber rujukan masyarakat Islam di daerah Sandakan dan orang Suluk khususnya. Apa yang mengagumkan kitab

terjemahan ini ditulis menggunakan huruf Arab namun mempunyai bunyi dalam bahasa Suluk. Keseluruhan kitab terjemahan ini ditulis menggunakan tangan sepenuhnya. Ibu Sheikh Hasabollah Al Dzahiri yang berdarah Suluk juga menyebabkan beliau kemungkinan besar fasih dalam bahasa ibunda ibunya dan telah menjalankan usaha menterjemahkan kitab-kitab Arab ke bahasa Suluk iaitu nasab keturunan beliau sebelah ibunya. Bahasa Melayu dan Bahasa Arab juga menjadi bahasa pertuturan Sheikh Hasabollah setiap hari.

Setakat penulisan kertas kerja ini dihasilkan belum ada penulisan yang menceritakan sejarah hidup tokoh pendakwah Sheikh Hasabollah Al Dzahiri ini secara khusus. Ini menyebabkan masyarakat daerah Sandakan hanya mendengar namanya disebut-sebut tetapi tidak mengetahui bahawa di sebalik nama tersebut terdapat khazanah peninggalan Sheikh Hasabollah yang tidak ternilai iaitu penulisan kitab terjemahan tulisan tangan huruf Arab tetapi dialih ke bahasa Suluk yang sehingga ke hari ini belum diketengahkan dalam masyarakat. Kitab ini sebenarnya telah diteliti dan keturunan Sheikh Hasabollah Al Dzahiri telah memberikan kebenaran kepada pihak Muzium Sabah membuat salinan kitab ini dan transkrip asal masih lagi tersimpan rapi di tempat pemiliknyanya kini (Syed Ridzuan As Segaff, 2020).

Adalah diharapkan penulisan tentang Sheikh Hasabollah Al Dzahiri akan memberikan kesedaran kepada penduduk daerah Sandakan khususnya dan umat Islam di negeri Sabah bahawa daerah Sandakan pernah disinari dakwah oleh seorang ulama dan ilmuan Islam yang telah menghabiskan hayatnya menyebarkan ilmu agama dan berdakwah agar umat Islam kembali kepada kehidupan yang diredhai Allah. Penulisan ilmiah ini juga diharapkan dapat terus menyuntik semangat umat Islam untuk meneruskan tradisi menadahi ilmu-ilmu agama tidak kira di mana sahaja mereka berada.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya Islam ibarat cahaya yang menerangi masyarakat yang berada di dalam kejahilan. Kehadiran Sheikh Hasabollah Al Dzahiri di daerah Sandakan merupakan satu rahmat bagi masyarakat di daerah Sandakan dan umat Islam khasnya. Beliau telah menjadikan masjid Jamek Sandakan yang kini diberi nama sempena nama beliau iaitu Masjid Sheikh Hasabollah Al Dzahiri medan untuk menabur bakti meneruskan usaha dakwah Nabi Muhammad s.a.w. Bermula tahun 1960

*Sheikh Hasabollah Al Dzahiri dan Sumbangannya salam Bidang Dakwah di
Daerah Sandakan Dari Tahun 1960 Hingga Tahun 1971*

an Sheikh Hasabollah Al Dzahiri telah menghabiskan sisa umurnya menulis kitab terjemahan, menjadi rujukan terpenting umat Islam menyelesaikan masalah yang melibatkan fiqh Islam dan memberi pendidikan agama berterusan tanpa henti sehinggalah beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir di bulan Rejab tahun 1971. Kematian Sheikh Hasabollah Al Dzahiri dikatakan ditangisi oleh masyarakat Islam di sekitar daerah Sandakan dan beliau telah dikebumikan di Pulau Togawis Sandakan. Kehilangan beliau amat dirasai dan dikenang sehingga kini dan Masjid Sheikh Hasabollah Al Dzahiri yang masih berdiri kukuh telah menjadi bukti daerah Sandakan pernah menerima dakwah dari seorang ulama Islam berketurunan Arab Peranakan dan usaha dakwah Islam diteruskan oleh generasi selepas itu.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Abu Hanifah Haris. (2020). Penglibatan Orang Arab Dalam Kegiatan Perdagangan dan Politik di Johor: Peranan dan Sumbangan Sayyid Muhammad Bin Ahmad Al-Sagoff (1836-1906). *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Bil. 39: 94-120.
- Goodlet, Ken. (2009). *Tawau The Making of a Tropical Community*. Opus Publication.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latifah Abdul Latif, Siti Nor Baya Yacob, Anita Ismail, Adibah Sulaiman, Mashitah Sulaiman, & Azmir Mohd Nizah. (2016). Arab Hadhrami dan Arab Peranakan di Malaysia. *Al Hikmah*. 8(2):21.
- Latifah Abdul Latiff, Siti Nor Azhai Mohd Tohar, Farah Laili Muda@Ismail, Anita Ismail. (2018). Sumbangan Orang Arab Terhadap Perkembangan Pendidikan Madrasah atau Sekolah Arab di Malaysia. *Al Hikmah*. 10(2):46.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Pg Mohd Faezulfikri Ag. Omar, & Noor Afiqah Athirah Hajimin. (2020). Tun Mustapha dan Pengukuhan Islam di Sabah: 1963 – 1973. *Akademia*. 90(1). 182.
- Mohamad Shauki, Mohd Radzi, Asmady Idris, Rizal Zamani Idris, & Sukura@Fatimah Mohd Hidup. (2007). Masyarakat Arab (Keturunan Syed) Di Tawau, Sabah: Tinjauan Terhadap sejarah Pertapakan dan Sumbangan Dari Aspek Sosial. *Borneo Research Journal*. 1.

Fadzilah Sahak

- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah@ Tan Ai Pao & Abdul Imam Basirun. (2014). *Pendekatan Dakwah United Sabah Islamic Association (USIA) Terhadap Peribumi Di Negeri Sabah: Tinjauan Dari Segi Ekonomi*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. UKM.
- Shukri Ahmad. (2000). *Aplikasi Konsep Ulama Dan Intelektual Satu Penilaian Kritis*. Universiti Malaya.
- Syamruddin Nasution, Abd. Ghofur. (2017). Perkembangan Islam di Sabah Malaysia (Perspektif Sosio-Historis). Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, Indonesia. *Toleransi: Media Komunikasi umat Beragama*. 9(2).
- T Ichtar Baru Van Hoeve. (1994). Ensiklopedia Islam. *Jakarta*. 5.

Laman Sesawang

- Juzaimie Jazlan. 2016. Masjid warisan 130 di Sandakan, Berita Harian, 13 Jun 2020.
- SABK Madrasah Al-Attas Al-Arabiah Johor. (2015). Pengasas Madrasah Al Attas. Dipetik dari maajjohor.wixsite.com/sabmaaj/sejarah-madrasah-alattas diakses pada 19 Jun 2020.
- Sandakan*. 9 Jun 2015. Dipetik daripada <https://web.archive.org/web/20150609043351/http://ww2.sabah.gov.my/mps/sdk/history.html> diakses pada 19 Jun 2020.

Kertas Kerja

- Siti Noorasikin Tumiran, Ezad Azraai Jamsari & Kaseh Abu Bakar. (2011). Personaliti Termasyhur Singapura: Syed Mohamed bin Ahmed Alsagoff. *PROSIDING NADWAH ULAMA NUSANTARA (NUN) IV*, 25-26 NOVEMBER 2011.

Temu Bual

- Salmah Sheikh Umar Al Thohiri. (2020). Latar belakang Sheikh Hasabollah At Thohiri. Ditemubual pada 16 Jun 2025
- Syed Ridzuan As Segaf. (2020). Latar belakang Sheikh Hasabollah At Thohiri. Ditemubual pada 16 Jun 2025.